



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBRS. PUAN Ir HJH ROSNANI BINTI HJ MAHMUD
SETIAUSAHA PERBANDARAN MPSP**

SEMPENA

**“MAJLIS PEMBERIAN BEKAS KITAR SEMULA
KEPADA AGENSI KERAJAAN.”**

7 FEBRUARI 2018 (RABU)

2.30 PETANG

**AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTA JAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li

Pengurus Kumpulan

Syarikat Amphenol TCS Bukit Minyak

Yang Dihormati Mr David Silverman

Corporate Human Resource Vice President

Amphenol United States of America

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan

Syarikat Amphenol TCS Bukit Minyak

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam program yang julung kali diadakan iaitu, Majlis Pemberian Bekas Kitar Semula Kepada Agensi Kerajaan.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Syarikat Amphenol TCS, khususnya Dato' Lee Teong Li kerana telah sudi menjadi penaja kepada program hari ini melalui tajaan sebanyak 50 set bekas kitar semula untuk di serahkan kepada 50 agensi kerajaan.

Tidak dilupa juga ucapan terima kasih kepada pihak tuan-tuan dan puan-puan, kerana sudi meluangkan masa untuk bersama bagi menjayakan majlis pada petang ini.

Untuk makluman semua, Pihak Amphenol juga telah menjadi penaja utama kepada Pemberian Bekas Kitar Semula Kepada Sekolah-Sekolah Parlimen Bukit Mertajam pada 23 Julai 2017. Di bawah program ini sebanyak 34 set bekas kitar semula telah dibekalkan kepada sekolah.

Selain itu, pada tahun 2016/2017 pihak Amphenol juga menjadi penaja utama bagi Program Komuniti Mampan dan telah bersetuju untuk menjadi penaja bagi program yang sama untuk tahun 2017/2018.

Hadirin yang dihormati,

Tujuan program pemberian bekas kitar semula ini adalah untuk menjadikan agensi kerajaan sebagai badan yang memahami dan mengamalkan aktiviti kitar semula dan pada masa yang sama dapat mengimplementasikan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di pejabat.

Setiap hari, secara purata tapak pelupusan Pulau Burung menerima kapasiti sampah sebanyak 1250 tan. Pada tahun 2017 sahaja sebanyak 453,035.17 tan sampah dilupuskan di Pulau Burung. Kos bagi menguruskan sampah di tapak pelupusan Pulau Burung pada tahun 2017 sahaja adalah sebanyak RM 9.15 juta. Sekiranya ditambah dengan lain-lain kos seperti gaji pekerja, kos penyelenggaraan kenderaan, kos pengurusan stesen pemindahan sampah Ampang Jajar dan bekalan tong sampah, kos menguruskan sampah meningkat kepada RM 104.8 juta atau 37.5% dari bajet MPSP. Angka ini sangatlah tinggi dan sekiranya semua pihak bersama-sama dengan MPSP dan Kerajaan Negeri dalam kempen kitar semula dan juga pengasingan sisa di punca, kos menguruskan sampah dapat dikurangkan. Manfaat terus yang boleh diperolehi adalah penjimatan kos menguruskan sampah. Peruntukan ini boleh dimanfaatkan

untuk lain-lain aktiviti seperti meningkatkan kemudahan awam dan pengindahan dan juga jangka hayat tapak pelupusan Pulau Burung dapat dipanjangkan.

Tahun 2016 adalah merupakan tahun dimana Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dikuatkuasakan oleh Negeri Pulau Pinang. Pendekatan Dasar ini adalah bertujuan untuk memastikan semua pihak memainkan peranan dalam mengurangkan penjanaaan sampah dan menjadikan kitar semula sebagai satu budaya hidup dalam menangani sampah yang telah dijana.

Undang-undang Kecil Pengasingan Sisa Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2016.

Terdapat lapan kategori pengasingan sisa di punca. Bermula dari kategori

1. Kampung
2. Kediaman bertingkat
3. Kilang
4. Kompleks membeli belah
5. Projek Perumahan Rakyat (PPR)
6. Taman Perumahan
7. Hotel dan restoran

8. Kompleks dan Institusi.

Agensi kerajaan adalah termasuk di bawah kategori kompleks dan institusi ini. Penalti am bagi mana-mana orang yang melanggar peruntukan Undang-undang Kecil ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh satu tahun atau kedua-duanya.

Sebagai langkah permulaan penguatkuasaan telah di lakukan di kediaman bertingkat. Mulai 1 Jun 2017 MPSP telah melakukan pemeriksaan terhadap 294 premis MC/JMB dan sebanyak 156 notis dan 25 kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan tidak mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula daripada sampah baki.

Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, setiap jabatan diwajibkan mempunyai sudut kitar semula, dimana semua barangan yang boleh dikitar semula dikumpulkan disini. Setiap bulan pada hari Khamis terakhir, setiap jabatan akan membawa barangan kitar semula yang telah dikumpul ke bahagian belakang Ibu Pejabat MPSP Perda, dan aktiviti jualan akan dibuat kepada vendor yang telah dilantik. Hasil jualan barangan tersebut akan diserahkan kepada jabatan masing-masing. Jumlah beratan jualan akan direkodkan. Contohnya pada tahun 2017, sebanyak 11,527 kg barangan kitar semula telah berjaya dikumpul dan dijual. Selain di pejabat, rumah pegawai MPSP juga telah di audit untuk melihat samada pegawai MPSP sendiri mengamalkan pengasingan sisa di punca.

Hadirin dihormati,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyeru sekali lagi kepada semua agensi kerajaan yang hadir pada hari ini, untuk menggunakan kemudahan bekas kitar semula yang disumbangkan ini dengan menjalankan pengasingan sisa di punca bagi setiap agensi masing-masing. Ketua-ketua jabatan diharapkan dapat memantau supaya kakitangan memanfaatkan kemudahan yang disediakan.

Dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pemberian Bekas Kitar Semula Kepada Agensi Kerajaan 2018 ini.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*